

# RELEVANKAH GAJI MINIMUM RM1,500?

Penulis Artikel

Norfatin Nadhiah Binti Rosli

Penyelidik Kluster Pendidikan dan Sumber Manusia



## Relevankah Gaji Minimum RM 1,500?

Kertas **PERSPEKTIF** adalah satu siri penulisan oleh pengarang bagi mengemukakan pelbagai maklumat dan pandangan kepada pembaca mengenai sesuatu tajuk.

Semua fakta dan perspektif yang dinyatakan adalah di bawah tanggungjawab pengarang.

Sehubungan dengan itu, pengarang amat berbesar hati sekiranya para pembaca juga dapat berkongsi maklum balas mengenainya.

**Emel Pengarang** : [norfatinnadhiah90@tsis.my](mailto:norfatinnadhiah90@tsis.my)

# **RELEVANKAH GAJI MINIMUM RM 1,500?**

## **PENULIS**

**NORFATIN NADHIAH ROSLI**

Kluster Pendidikan & Sumber Manusia

Jabatan Hal Ehwal Parlimen Dan Global

Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS)

## PENDAHULUAN

Seksyen 2 Akta Kerja 1955 mendefinisikan gaji sebagai gaji pokok dan semua pembayaran lain dalam bentuk wang tunai yang perlu dibayar kepada pekerja bagi apa-apa pekerjaan yang dilakukan berkaitan kontrak pekerjaan yang telah dimeterai antara pekerja dengan majikan. Manakala di bawah Perintah Gaji Minimum 2012, Akta Majlis Perundangan gaji Negara 2011 pula mendefinisikan gaji minimum sebagai suatu nilai terendah yang perlu dibayar oleh majikan kepada pekerja sepenuh masa tanpa mengira kewarganegaraan mengikut undang-undang yang telah ditetapkan.

Gaji minimum di Malaysia telah diwartakan pada 16 Julai 2012 dan dikuatkuasakan enam bulan kemudian iaitu pada 1 Januari 2013. Pewartaan ini telah menggazetkan majikan yang mempunyai pekerja seramai enam orang dan ke atas, termasuk pekerja warga asing wajib membayar gaji minimum bulanan sebanyak RM900, bersamaan RM4.33 per jam kepada setiap pekerja yang bekerja di Semenanjung dan RM800 yang bersamaan RM3.85 per jam kepada pekerja yang bekerja di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan (Perintah Gaji Minimum, 2012).

Mengikut Akta 732 Majlis Perundangan Gaji Negara (MPGN) 2011, Perintah Gaji Minimum (PGM) perlu dikaji semula sekurang-kurangnya sekali setiap dua tahun. Kali terakhir kajian PGM adalah pada tahun 2020 yang memperuntukkan kadar gaji minimum RM 1,200 bagi 56 Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran dan RM1,100 bagi kawasan-kawasan selain Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran (Parlimen, 2021). Mana-mana majikan yang didapati tidak mematuhi PGM, boleh dikenakan tindakan pendakwaan selaras dengan Seksyen 43 Akta MPGN.

Data terkini bagi tempoh 1 Januari 2021 hingga 15 Oktober 2021, pihak Jawatankuasa Tenaga Kerja (JTK) telah menjalankan 19,101 pemeriksaan berkanun dan mendapati bahawa PGM 2020 telah dipatuhi oleh kira-kira 95 peratus majikan (Parlimen, 2021). Namun, isu kenaikan gaji minimum 2022 iaitu kenaikan kepada RM1,500 pernah menjadi satu polemik yang agak menggusarkan berikutan kedua-dua pihak iaitu majikan dan pekerja mempunyai pandangan yang saling bercanggah mengenai isu tersebut.


Walau bagaimanapun, isu hangat ini reda susulan Kerajaan baru-baru ini menetapkan gaji minimum RM1,500 akan dikuatkuasakan bermula awal Mei tahun ini, dengan penetapan tersebut hanya terpakai kepada syarikat-syarikat konglomerat, termasuk syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) sahaja. Manakala industri Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dan syarikat-syarikat kecil masih diberi kelonggaran untuk tidak mematuhi arahan tersebut ekoran Kerajaan mengambil kira masih banyak syarikat PMKS yang berada dalam fasa pemulihan kesan pandemik COVID-19.

Oleh itu, selari dengan pandangan-pandangan yang diutarakan oleh pihak-pihak yang berkepentingan, penulisan kertas perspektif ini akan menghuraikan mengenai relevansi kenaikan gaji minimum RM1,500 ini dari sudut mikro iaitu terhadap pekerja

dan majikan. Selain itu, akan turut dihuraikan dari sudut makro iaitu kesan terhadap kitaran ekonomi negara. Seterusnya, kertas penulisan ini turut akan membincangkan sama ada kenaikan gaji minimum RM 1,500 tersebut adalah relevan atau sebaliknya.

## Kejatuhan Gaji Penengah, Kesan Kepada Ekonomi Domestik

Berdasarkan survei yang dilakukan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), bilangan penduduk bekerja yang direkodkan pada Februari 2021 ialah sebanyak 15.27 juta orang, merangkumi sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan dan pertanian dan perlombongan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding sebelum penularan pandemik COVID-19 iaitu 15.10 juta orang bekerja.




Rajah 1: Statistik Tenaga Buruh, Bekerja dan Luar Tenaga Buruh  
(Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021)

Jumlah peningkatan orang yang bekerja memberi gambaran positif terhadap situasi pertumbuhan ekonomi dalam negara. Ironinya, walaupun berlaku pertambahan jumlah orang bekerja, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) sebanyak RM980 yang digunakan sebelum tahun 2020 amat tidak bertepatan dengan aspek kos sara hidup yang semakin meningkat. Justeru, semakin PGK pada tahun 2020 menyebabkan Kerajaan secara drastik telah menaikkan kadar PGK yang baharu kepada RM2,208 bermula pada tahun 2020.

Mengikut rekod DOSM, kadar baharu ini telah menjadikan seramai 405,441 rakyat Malaysia yang tergolong sebagai golongan miskin beranding hanya 16,653 orang sebelum itu (Bernama, 2020). Penularan pandemik COVID-19 pula menyaksikan situasi ini semakin memburuk apabila lebih ramai rakyat Malaysia yang mengalami kemiskinan insiden kesan pandemik tersebut, yang mana kategori miskin dan miskin tegar pada tahun 2021 masing-masing berjumlah 640,000 dan 78,000 (Irwan Shah Zainal Abidin, 2022).

Jika dilihat dari sudut gaji penengah pula, tempoh pandemik menyebabkan kadarnya telah jatuh sebanyak 15.6 peratus kepada RM2,062 sebulan pada tahun 2021, manakala gaji purata pekerja pula jatuh sembilan peratus dari RM3,224 kepada

RM2,933. Kejatuhan RM380 gaji penengah tersebut telah membawa Malaysia empat tahun ke belakang iaitu pada paras sebelum tahun 2017.



**Rajah 2:** Gaji Penengah di Malaysia (2010-2020), oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, 2020  
(Sumber: ekonomirakyat.com.my)

Walau bagaimanapun, berdasarkan data-data yang dikeluarkan oleh DOSM, ia secara tidak langsung memberi petunjuk bahawa pertumbuhan ekonomi semasa pada tahun 2022 semakin pulih. Hal ini berpaksikan kepada peningkatan permintaan global, pemulihan pasaran buruh, kemajuan program vaksinasi COVID-19 dan sokongan dasar berterusan yang menyumbang kepada pemulihan ekonomi Malaysia (Bernama, 2022).

## Gaji Minimum RM1,500, Apa Justifikasi Pekerja?

Relevansi terhadap kenaikan gaji minimum RM1,500 dari sudut pandang pekerja telah banyak dihuraikan secara tuntas. Namun begitu, kertas perspektif ini akan menghuraikan empat faktor utama mengenai keperluan gaji minimum RM1,500 seperti yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini.

### 1. Setimpal Kos Sara Hidup Yang Semakin Meningkat

Walaupun terdapat banyak rungutan dan tekanan daripada rakyat mengenai isu kenaikan harga barangan pengguna, peningkatan kos sara hidup tetap terjadi setiap tahun. Bahkan kenaikan harga barangan asas sehingga 200 peratus dalam tempoh rakyat masih lagi bergelut dengan pandemik COVID-19 baru-baru ini memberi impak yang amat besar terhadap taraf hidup rakyat, sementara lebih 600,000 isi rumah tergelincir daripada golongan M40 kepada B40 disebabkan penutupan aktiviti ekonomi dan sosial yang agak lama (Irwan Shah Zainal Abidin, 2022). Peningkatan kos sara hidup juga menyebabkan tekanan berganda dialami oleh rakyat dan memberi implikasi terhadap psikologi, sosial dan keselamatan rakyat (Julizah Sabstu, 2014).

### 2. Pemangkin Produktiviti Pekerja

Kajian yang dilaksanakan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dalam tempoh 10 tahun yang lepas menunjukkan kadar peningkatan produktiviti pekerja

secara puratanya meningkat sebanyak 6.7 peratus, jauh lebih tinggi berbanding kadar gaji yang diterima iaitu peningkatan hanya sebanyak 2.6 peratus (Izzat Azhar, Nurza Yusoff, Shuhaimi Jaafar, 2018).

Pekerja merupakan seorang manusia yang diwarnai dengan emosi yang pelbagai. Gaji yang setimpal merupakan suatu bentuk motivasi yang secara tidak langsung mampu mempengaruhi produktiviti pekerja. Motivasi akan timbul dari dalam diri pekerja sendiri kerana upah yang diterima mereka berpadanan dengan usaha yang dilakukan. Sebaliknya, jika kadar upah adalah tidak tepat tidak akan meningkatkan produktiviti pekerja, malah akan menurunkan semangat dan keghairahan mereka untuk bekerja.

### 3. Peningkatan Kuasa Beli Pekerja

Apabila gaji minimum pekerja dinaikkan, secara tidak langsung pekerja akan mempunyai lebih banyak tunai di tangan. Wang ada pada mereka akan digunakan untuk membeli keperluan-keperluan dan kehendak yang diperlukan oleh keluarga. Rakyat yang mempunyai kuasa beli yang lebih besar akan membeli lebih banyak barangan atau produk yang dihasilkan oleh syarikat-syarikat majikan. Secara tidak langsung, majikan akan memperoleh lebih keuntungan yang akhirnya boleh digunakan untuk mengembangkan perniagaan mereka.

Justeru, pekerja yang mempunyai kuasa beli yang lebih baik sebenarnya mampu membantu majikan secara tidak langsung untuk mengembangkan pasaran semasa yang akhirnya akan memberi lebih keuntungan kepada majikan. Hal ini selari dengan dapatan kajian oleh Ralph Smith dan Bruce Vavrichek (1986) yang mendapati pekerja yang menerima gaji minimum memberi impak terhadap kuasa beli pengguna bagi kedua-dua barangan dan perkhidmatan. Kajian mereka juga mendapati hal tersebut mendorong kepada pertumbuhan ekonomi dalam sesebuah negara.

### 4. Seimbangkan Tarikan Ekonomi Gig

Kadar pendapatan yang diperoleh hasil daripada aktiviti yang dilakukan melalui ekonomi gig menjadi antara tarikan utama yang menarik minat golongan muda masa kini. Menurut beberapa orang pekerja yang menyertai ekonomi gig sebagai penghantar makanan salah satu penyedia *platform* dalam ekonomi gig terkenal di negara, mereka mampu meraih pendapatan purata sehingga RM5,000 sebulan hasil konsisten melakukan pekerjaan tersebut di kawasan-kawasan sekitar Lembah Klang.



**Rajah 3:** Grab salah satu penyedia *platform* dalam ekonomi gig  
(Sumber: MalayMail, 2021)

Menurut Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri M.Saravanan (2022), situasi ini merupakan cabaran yang besar kepada negara. Hal ini kerana, sekiranya golongan muda termasuk para graduan lebih berminat menceburi ekonomi gig berbanding menambah pengalaman dalam industri, dikhuatiri negara akan mengalami kekurangan tenaga pakar dalam industri-industri penting dan utama untuk jangka masa panjang. Natiujahnya, negara mungkin berdepan risiko terpaksa bergantung kepada tenaga-tenaga pakar dari luar negara pada masa akan datang.

## **Bantahan Majikan, Ada Kewajarannya**

Walaupun terdapat pelbagai manfaat dan keperluan dari sudut pekerja terhadap kenaikan gaji minimum, namun dari aspek majikan pula tidak terkecuali daripada mempunyai alasan dan justifikasi mereka yang tersendiri mengenai bantahan terhadap kenaikan gaji minimum RM1,500 ini.

### **1. Kos Pengeluaran Meningkat**

Kenaikan gaji minimum akan meningkatkan kos operasi yang terpaksa ditanggung oleh majikan. Hal ini secara tidak langsung akan mengecilkan nilai keuntungan yang diperoleh majikan. Menurut salah seorang pakar ekonomi iaitu Datuk Dr Madeline Berma (2022) yang juga merupakan Profesor Kehormat Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), kenaikan gaji minimum akan menyebabkan kesan penggantian iaitu setiap kali berlaku kenaikan kos pengeluaran, pengusaha atau majikan akan mengalihkan kos tambahan tersebut kepada pengguna akhir.

Impaknya, kenaikan kos barangan di pasaran akan dirasai oleh semua pihak secara pukul rata. Walhal bukan semua dalam kalangan rakyat menikmati kenaikan gaji minimum, namun secara makronya harga barangan mengalami *trend* peningkatan yang menggusarkan. Justeru, dari satu aspek yang lain, peningkatan gaji minimum RM1,500 ini memberi kesan negatif secara tidak langsung kepada rakyat secara keseluruhannya.

### **2. Kadar Pengangguran Bertambah**

Peningkatan kadar pengangguran semasa negara merupakan antara elemen yang dijangka akan berlaku sekiranya peningkatan gaji minimum tidak mampu dipatuhi oleh sesetengah majikan. Hal ini khususnya melibatkan majikan-majikan dalam sektor (PMKS) dan syarikat-syarikat kecil yang masih terkial-kial untuk menstabilkan kembali perniagaan mereka ekoran penutupan aktiviti ekonomi disebabkan penularan pandemik COVID-19 sebelum ini.

Kadar pengangguran akan meningkat dalam dua situasi sama ada majikan berhasrat untuk mengekalkan margin keuntungan atau syarikat tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk menggaji pekerja, seterusnya menyebabkan banyak syarikat terpaksa mengecilkan perniagaan atau menutup terus perniagaan mereka. Kesannya, ramai pekerja yang akan kehilangan pekerjaan dan punca pendapatan.

### 3. Faktor Penolak Majikan Meneroka Penggunaan Mesin dan Robot



**Rajah 4:** Salah satu penggunaan automasi dalam industri pemprosesan makanan di Taiwan. (Sumber: taiwantoday.tw, 2018)

Perubahan ke arah penggunaan mesin dan robot selari dengan Revolusi Industri 4.0 (IR4.0) di negara ini masih belum meluas. Hal ini kerana perubahan memakan masa dan kos yang tinggi sehingga mungkin menelan belanja jutaan ringgit. Majikan terpaksa berbelanja untuk mendapatkan infrastruktur teknologi baharu, di samping perlu berbelanja untuk memberi latihan kepada pekerja dengan teknologi tersebut. Walau bagaimanapun, dengan pelaksanaan gaji minimum

terkini, kemungkinan menjadi faktor penolak kepada majikan untuk mula meneroka penggunaan mesin dan robot dalam aktiviti syarikat mereka bagi mengurangkan kos bayaran gaji kepada pekerja. Tambahan pula, pelaburan ke atas teknologi akan menguntungkan majikan untuk jangka waktu panjang.

Situasi ini bakal memberi kesan terhadap keperluan guna tenaga manusia khususnya kepada pekerja-pekerja berkemahiran rendah. Secara tidak langsung, kadar pengangguran mungkin akan meningkat. Walaupun situasi ini akan dapat diatasi apabila Kerajaan telah menemui formula yang tepat bagi menangani kadar pengangguran dalam IR4.0, namun dalam tempoh tersebut, akan memberi impak yang sangat besar terhadap pekerja, khususnya apabila mereka kehilangan punca pendapatan disebabkan penggunaan mekanisasi yang meluas dalam industri.

### 4. Tarikan Lebih Ramai Kemasukan Warga Asing

Sebagai sebuah negara yang sedang membangun, industri utama negara amat memerlukan guna tenaga buruh yang ramai. Lazimnya, industri tersebut dikuasai oleh warga asing yang datang bekerja di negara ini. Seksyen 2 di bawah Akta Majlis Perundangan Gaji Negara (MPGN) 2011, Perintah Gaji Minimum (PGM) tidak membezakan definisi pekerja sama ada pekerja warga asing atau pekerja tempatan. Oleh itu, apa-apa nilai gaji minimum yang dipersetujui oleh Kerajaan turut dinikmati oleh pekerja asing yang datang ke negara ini secara sah.

Justeru, peningkatan gaji minimum dalam negara akan menjadi faktor tarikan kepada lebih ramai warga asing yang berminat untuk mencari rezeki di negara ini. Tidak dinafikan sama sekali bahawa negara memerlukan khidmat mereka, namun pada masa yang sama, kemasukan mereka dalam kuantiti yang ramai juga bakal menatijahkan banyak keburukan kepada negara.

## Perspektif Gaji Minimum Dari Sudut Makro

Dari sudut makro pula, gaji minimum mempunyai manfaat dan keburukannya yang tersendiri. Pertama, gaji minimum merupakan salah satu alat untuk membasmi kemiskinan tegar. Kemiskinan berkait rapat dengan masalah sosial dan ekonomi yang berlaku dalam masyarakat. Bahkan ia merupakan satu fenomena ekonomi pelbagai dimensi yang melibatkan kedua-dua kesan politik dan sosial (Rosli, 2020). Tanggungjawab untuk membasmi kemiskinan atau sekurang-kurangnya mengurangkan kadar kemiskinan sebahagian besarnya terletak pada pundak Kerajaan.

Oleh itu, peningkatan kadar gaji minimum yang lebih baik merupakan suatu langkah yang selari bagi mencapai matlamat yang digariskan di bawah Tema 2 dan Pemacu Perubahan 6 RMK-12 iaitu untuk membasmi kemiskinan tegar pada tahun 2025.

Namun begitu, sesetengah pihak beranggapan bahawa peningkatan gaji minimum pada ketika ini tidak akan membawa banyak kesan dan perubahan khususnya kepada golongan pekerja bawahan. Hal ini kerana, apabila gaji minimum dinaikkan, secara tidak langsung kos pengeluaran barangan juga akan meningkat yang memberi kenaikan langsung terhadap harga barang. Sebagai contoh, ketika kadar gaji minimum bersamaan RM1,200, harga pasaran seguni beras adalah RM20. Tetapi, apabila gaji minimum dinaikkan kepada RM1,500, harga pasaran seguni beras dinaikkan kepada RM25. Nilai duit kelihatan meningkat, namun ia tidak memberi kesan terhadap nilai benar wang tersebut, bahkan kuasa beli pengguna tetap tidak berubah,

Walau bagaimanapun, peningkatan nilai RM300 sekurang-kurangnya lebih baik daripada tidak dinaikkan langsung ekoran situasi semasa, harga barangan telahpun mendahului dengan nilai kenaikan yang agak besar secara relatifnya, walhal pelaksanaan gaji minimum belum lagi bermula.

Seterusnya, pemilikan tunai yang lebih banyak di tangan pekerja atau rakyat akan meningkatkan kuasa beli pengguna. Apabila rakyat mula berbelanja dengan kadar yang lebih tinggi daripada kebiasaan, pengaliran wang dalam negara akan meningkat. Wang yang berlegar dalam pasaran domestik akan membantu merencanakan kegiatan ekonomi, seterusnya akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Secara tidak langsung, pertumbuhan ekonomi yang baik ini akan memberi kesan terhadap imej negara dan memberi keyakinan terhadap pelabur-pelabur asing.

Di samping itu juga, kenaikan gaji minimum ini selari dengan fokus Kerajaan dalam RMK-12 untuk mencapai negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2025. Pembaharuan yang dibawa melalui RMK-12 dirangka untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi dan mempunyai kualiti kehidupan yang lebih baik menjelang 2025 melalui pendekatan keseluruhan negara atau *whole-of-nation approach* yang melibatkan seluruh jentera dan agensi Kerajaan, industri serta masyarakat. Matlamat yang digariskan tentunya bukanlah sesuatu yang mudah, dan


tidak akan terlaksana sekiranya gaji minimum masih berada di takuk lama seperti 10 atau 20 tahun yang lepas.

Namun begitu, sesetengah pihak beranggapan bahawa jika Kerajaan ingin mengukur pendapatan tinggi, perlu melalui nilai benar wang yang dimiliki. Sekiranya gaji minimum dinaikkan, pada masa yang sama, kos sara hidup turut meningkat, maka pendapatan tinggi tersebut tidak menjamin rakyat bebas daripada belunggu kemiskinan. Sebaliknya, Kerajaan perlu merangka suatu formula khusus untuk mengawal harga barangan agar tidak menjejaskan kos sara hidup rakyat. Apabila gaji minimum dinaikkan dalam keadaan kos sara hidup tidak terkesan, maka barulah boleh dikatakan negara benar-benar berpendapatan tinggi.

Walau bagaimanapun, peningkatan gaji minimum turut mendedahkan ekonomi negara kepada impak negatif yang pelbagai. Menurut Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) (2022), pelaksanaan gaji minimum RM1,500 akan menguntungkan kira-kira dua juta pekerja asing berbanding pekerja tempatan ekoran golongan tersebut mendominasi pasaran buruh di peringkat bawahan. Apabila gaji ditingkatkan dalam keadaan fasiliti dan kemudahan asas ditanggung majikan, kos sara diri mereka di sini tidak terkesan, sebaliknya mereka mendapat lebih gaji yang akhirnya akan dihantar ke negara asal masing-masing. Keadaan ini dilihat tidak memberi faedah kepada negara kerana ia sama sekali tidak membantu merencanakan ekonomi domestik. (Irwan Shah Zainal Abidin, 2022)

Selain itu, berdasarkan kiraan yang dilakukan oleh MEF, peningkatan gaji minimum RM1,500 akan menyebabkan pengaliran wang ke luar negara mencecah sehingga RM70 bilion setahun berbanding nilai semasa kira-kira RM30 bilion (Bardan, 2022). Sekiranya jumlah tersebut dikekalkan dalam pasaran ekonomi negara, ia dapat merencanakan kegiatan ekonomi sekali gus membantu negara menjana pertumbuhan ekonomi negara yang lebih baik.

Terakhir, kenaikan gaji minimum turut mendedahkan kepada peningkatan inflasi dalam pasaran ekonomi. DOSM (2022) merekodkan inflasi pada bulan Januari 2022 adalah 2.3 peratus, mengatasi nilai deflasi pada tahun 2020 iaitu sebanyak 1.2 peratus. Justeru, dalam situasi ini, kenaikan gaji minimum RM1,500 akan menyebabkan berlaku masalah inflasi yang lebih besar.



**Rajah 5:** Tiga kumpulan utama mempengaruhi inflasi  
(Sumber: Utusan Malaysia, 2021)

Nilai gaji yang lebih tinggi akan mendorong kenaikan harga barang disebabkan berlakunya lonjakan kos sebenar yang berpunca daripada penawaran dan permintaan yang tidak sekata. Rakyat yang memiliki lebih banyak tunai di tangan

hasil kenaikan gaji minimum akan mendorong kepada permintaan yang lebih tinggi. Namun, kuantiti penawaran pula tidak mampu menampung permintaan, menyebabkan harga barang menjadi lebih mahal.

## Relevankah Kenaikan Gaji Minimum RM1,500?

Kenaikan gaji minimum setiap dua tahun menjadi cerminan terhadap realiti ekonomi semasa negara. Menurut Pemangku Pengarah Unit Ekonomi dan Peniagaan Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi, Dr Juita Mohamad (2022), gaji peringkat kemasukan di negara ini telah kekal pada paras yang sama dalam tempoh 15 tahun yang lalu dan gaji tidak berkembang secara organik. Hal ini disebabkan ketiadaan persatuan perdagangan serta persatuan sekerja yang mempunyai kuasa yang kuat bagi merundingkan faedah gaji dan bukan gaji di tempat kerja. (Bernama, 2020)

Justeru, undang-undang gaji minimum yang disemak setiap dua tahun merupakan satu-satunya cara untuk merundingkan perihal kenaikan gaji di negara ini. Jika berpaksikan realiti ekonomi semasa, semakan gaji minimum setiap dua tahun adalah langkah terbaik untuk semua pihak. Namun begitu, sejauh mana signifikannya bantahan oleh pihak persatuan yang mewakili industri dan majikan bahawa kenaikan gaji minimum perlu secara progresif dan selaras?

Jika dibandingkan dengan gaji minimum sebelum ini, kenaikannya tidak melebihi 15 peratus daripada kadar asal, berbanding pada tahun ini, kenaikannya mendadak sehingga 25 peratus daripada gaji minimum asal. Dalam situasi masih ramai majikan yang terkial-kial untuk menstabilkan kembali perniagaan setelah melalui tempoh pandemik dan sekatan perjalanan yang memberi tekanan hebat, kenaikan gaji minimum menggusarkan mereka.

Namun, jika dilihat dari sudut makro yang lebih meluas, kenaikan gaji minimum ini merupakan suatu keperluan untuk ekonomi negara terus berkembang. Bagaimana kita mahu negara mencapai matlamat sebagai sebuah negara berpendapatan tinggi, walhal kadar gaji masih di takuk yang lama seperti 10 atau 20 tahun dahulu? Mengekalkan gaji minimum pada tahap yang sama secara kasarnya kelihatan menguntungkan majikan, namun pada masa yang sama sebenarnya ia turut merugikan majikan. Hal ini kerana dengan peningkatan kos barangan namun kadar gaji dikekalkan, kuasa beli rakyat atau pengguna semakin mengecil.

Situasi ini menyebabkan rakyat tidak dapat membeli barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat majikan. Majikan untung dari sudut pengecilan kos operasi, namun margin keuntungan daripada penjualan barangan yang dihasilkan atau perkhidmatan yang ditawarkan akan berkurang. Situasi ini menyebabkan sukar untuk majikan mengembangkan perniagaan mereka, secara tidak langsung memberi kesan negatif terhadap kadar pertumbuhan ekonomi negara.

Sementara itu, kenaikan inflasi semasa merupakan isu di seluruh dunia yang berpunca daripada permintaan global yang lebih kukuh. Pandemik dan sekatan

perjalanan membawa kepada kejutan permintaan dan bekalan pada skala global. Sebagai sebuah negara ekonomi kecil dan terbuka, Malaysia tidak terlepas daripada menerima kesan buruk yang timbul ekoran penularan pandemik tersebut.

Kenaikan gaji minimum dikatakan akan meningkatkan lagi nilai inflasi yang berlaku. Namun, sebenarnya tanpa kenaikan gaji minimum sekalipun, inflasi akan tetap berlaku. Justeru, bagi meminimumkan kesan inflasi ini, satu-satunya langkah terbaik adalah BNM melaraskan kadar faedah bagi memastikan tekanan inflasi dapat dielakkan. Pada masa yang sama, inisiatif Kerajaan melaksanakan dasar fiskal termasuk pemberian subsidi dan penetapan harga siling juga merupakan langkah yang berkesan bagi mengurangkan kenaikan harga barangan di pasaran.

## **Penutup**

Mendepani peningkatan kos sara hidup yang agak kritikal pada masa ini, kenaikan gaji minimum RM1,500 seharusnya tidak menimbulkan polemik dan percanggahan pendapat yang keterlaluan daripada mana-mana pihak, khususnya majikan yang mempunyai kemampuan kewangan untuk mendokong kenaikan gaji minimum tersebut. Bahkan, sebenarnya berdasarkan kajian yang dilakukan oleh BNM pada tahun 2018, gaji sara hidup di Kuala Lumpur bagi seorang dewasa bujang ialah RM2,700, manakala bagi pasangan tanpa anak sebanyak RM4,500 dan pasangan dua anak RM6,500 (Bank Negara Malaysia, 2018). Kadar ini menunjukkan perbezaan yang terlalu jauh daripada kadar gaji minimum RM1,500 yang akan berkuat kuasa pada awal Mei ini.

Meskipun begitu, dalam situasi hari ini, dengan mengambil kira pelbagai faktor khususnya dari aspek kemampuan majikan, maka kadar gaji minimum RM1,500 ini diharapkan sebagai angka perintis kepada kenaikan gaji yang lebih progresif untuk semakan kenaikan dalam tempoh dua tahun akan datang.

## SENARAI RUJUKAN

- Bank Negara Malaysia. (2013). *Kesan Potensi Dasar Gaji Minimum terhadap Ekonomi Malaysia*. Bank Negara Malaysia.
- Bank Negara Malaysia. (2018). *Perkembangan Ekonomi Pada Tahun 2018*. Retrieved from Bank Negara Malaysia : <https://www.bnm.gov.my/documents/20124/829721/cp01.pdf>
- Bardan, S. (2022, Februari 15). Pekerja asing untung terima kenaikan gaji minimum. (M. P. Negara, Penemu duga)
- Bernama. (10 Julai, 2020). *Had pendapatan kemiskinan dinaikkan dari RM980 kepada RM2,208*. Retrieved from BH Online: <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/07/709264/had-pendapatan-kemiskinan-dinaikkan-dari-rm980-kepada-rm2208>
- Bernama. (25 Februari, 2022). *Ekonomi Malaysia diyakini terus pulih tahun ini*. Retrieved from BH Online: <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2022/02/926905/ekonomi-malaysia-diyakini-terus-pulih-tahun-ini>
- Irwan Shah Zainal Abidin. (2022, Mac 23). *Kenaikan gaji minimum ringan beban kos sara hidup isi rumah*. Didapatkan dari BH Online: <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2022/03/937465/kenaikan-gaji-minimum-ringan-beban-kos-sara-hidup-isi-rumah>
- Izzat Azhar, Nurza Yusoff, Shuhaimi Jaafar. (2018). Gaji Minima: Impak Terhadap Motivasi, Prestasi dan Produktiviti Kerja. *Proceedings of The 6th International Seminar on Entrepreneurship and Business*.
- Izzat Azhar, Nurza Yusoff, Shuhaimi Jaafar. (2018). Gaji Minima: Impak Terhadap Motivasi, Prestasi dan Produktiviti Kerja dalam Kalangan Industri Kecil Sederhana. *Proceedings of The 6th International Seminar on Entrepreneurship and Business (ISEB 2018)*. Kota Bharu: Researchgate.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (8 April, 2021). *Statistik Utama Tenaga Buruh Februari 2021*. Retrieved from Jabatan Perangkaan Malaysia: <https://www.dosm.gov.my/v1/index.php?r=column/pdfPrev&id=UXIFcW1pSnhhZUFSSTc0RDhnR3V3dz09>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (24 Februari, 2022). *Indeks Harga Pengguna Malaysia, Januari 2022*. Retrieved from Jabatan Perangkaan Malaysia: [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5\\_Gallery/2\\_Media/4\\_Stats%40media/4-Press\\_Statement/2022/02.%20FEBRUARI/CPI%20JAN%202022.pdf](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2022/02.%20FEBRUARI/CPI%20JAN%202022.pdf)
- Julizah Sabstu. (2014). Kenaikan kos sara hidup, kesan kepada rakyat. *Maktab Koperasi Malaysia Cawangan Selatan*.
- Kaviyarasu Elangkovan. (2013). A New Solution To Increasing Rate Of Unemployment : Introduction Of Minimum Wage Laws In Malaysia. *International Journal of Academic Research in Economics and Soscial Sciences*.
- Parlimen. (8 Disember, 2021). *Pemberitahuan pertanyaan lisan Dewan rakyat*. Retrieved from Parlimen Malaysia: <file:///C:/Users/TSIS%20/Desktop/FATIN%20NADHIAH/2022/Kertas%20Perspektif/02%20Febuari/Hansard%201.pdf>

Perintah Gaji Minimum. (16 Julai, 2012). Retrieved from <http://www.mohr.gov.my/pdf/minimumwagesorder2012.pdf>


Ralph Smith and Vavricheck. (1992). The wage mobility of minimum wage workers. *U.S Congressional Budget*.

Rosli, F. (22 Julai, 2020). Gaji minimum, jalan sehalu. (U. Malaysia, Interviewer)

Samsudin Bardan. (15 Februari, 2022). *Pekerja asing untung terima kenaikan gaji minimum*. Retrieved from BH Online: [https://www.bharian-com-my.cdn.ampproject.org/v/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/02/922826/pekerja-asing-untung-terima-kenaikan-gaji-minimum?usqp=mq331AQKKAFQArABIACAw%3D%3D&amp\\_js\\_v=0.1#origin=https://www.google.com&cid=1&prerenderSize=1&vi](https://www.bharian-com-my.cdn.ampproject.org/v/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/02/922826/pekerja-asing-untung-terima-kenaikan-gaji-minimum?usqp=mq331AQKKAFQArABIACAw%3D%3D&amp_js_v=0.1#origin=https://www.google.com&cid=1&prerenderSize=1&vi)

Shakil Hameed. (10 November, 2021). *Tawaran gaji setimpal tarik minat rakyat kerja sektor 3D*. Retrieved from Berita Harian Online: <https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2021/11/885695/tawaran-gaji-setimpal-tarik-minat-rakyat-kerja-sektor-3d>

Syakilah Shafiee. (2015). *Dasar Gaji Minimum: Implikasi Terhadap Pertumbuhan Ekonomi Malaysia. Social Sciences Postgraduate International Seminar*.



Sila petik karya ini seperti berikut :

Nor Fatim Nadhiah Rosli.(2022, Jun 1). Relevankah Gaji Minimum RM 1,500?. Perspektif, 10/2022.

Maklumat mengenai penerbitan Terengganu Strategic & Integrity Institute (TSIS) boleh didapati di :

[www.tsis.my](http://www.tsis.my)



© Hak Cipta Terpelihara